

Strategi Pengurusan Usaha dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab

Ghazali Yusri^{a*}, Nik Mohd Rahimi^b, Parilah M. Shah^b

^aAkademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

^bFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: gy_ar@yahoo.com

Article history

Received: 12 August 2010
Received in revised form: 26 April 2011
Accepted: 12 April 2012

Abstract

The Arabic course at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia is an elective offered to first degree students. The objective of this study is to identify the use of effort regulation strategy among students in learning oral Arabic skills at UiTM. It is a mixed method of quantitative and qualitative study using a self-regulated learning questionnaire adapted from *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) and interviews. For quantitative data, the stratified random sampling technique was used involving 445 samples, while for qualitative data, 21 interviews were engaged, comprising 13 interviews with students and 8 with lecturers. The study found that the use of this strategy is moderate. Among factors that influence the use of this strategy are students' learning orientation and types of learning activities used in learning. This study suggests some improvements in oral Arabic learning at UiTM such as nurturing intrinsic learning orientation among students as well as engaging more collaborative and autonomous grouping activities.

Keywords: Effort regulation strategy; Arabic language learning; oral Arabic skills; self-regulated learning; MSLQ

Abstrak

Kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan satu subjek elektif kepada pelajar peringkat ijazah sarjana muda. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi pengurusan usaha pelajar dalam konteks kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM. Ia berbentuk kajian campuran antara kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik pembelajaran sendiri yang diubah suai daripada skala *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) serta temu bual dengan pelajar. Bagi mendapatkan data kuantitatif, teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) digunakan, melibatkan seramai 445 orang pelajar. Manakala bagi data kualitatif pula, ia melibatkan 21 temu bual, iaitu 13 siri temu bual dengan pelajar dan lapan siri temu bual dengan pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi ini digunakan pada tahap yang sederhana. Faktor yang dikenal pasti mempengaruhi penggunaan strategi ini ialah orientasi pembelajaran pelajar serta bentuk aktiviti pembelajaran. Kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan dalam pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM seperti menggalakkan pembelajaran yang berorientasikan intrinsik, memperbanyakkan aktiviti berkumpulan yang berbentuk kolaboratif dan menekankan konsep autonomi pelajar.

Kata kunci: Strategi pengurusan usaha; pembelajaran bahasa Arab; kemahiran lisan bahasa Arab; pembelajaran sendiri; MSLQ

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENDAHULUAN

Minat untuk mengkaji strategi pembelajaran sendiri secara saintifik dalam kalangan pelajar berkembang pada tahun 1970-an dan awal 1980-an, malah ia semakin popular pada tahun 1980-an. Sebelum itu, tidak banyak kajian dijalankan untuk melihat peranan pelajar dalam pembelajaran mereka (Paris, 2004; Zimmerman & Martinez-Pons, 2004). Dalam satu simposium tahunan oleh *The American Educational Research Association*

pada tahun 1986 tentang pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*), satu definisi tentang pembelajaran sendiri telah dibuat. Ia membabitkan tiga aspek iaitu metakognitif, motivasi dan perlakuan pelajar yang menentukan proses pembelajaran mereka sendiri (Zimmerman, 2008).

Berdasarkan skala *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) oleh Pintrich, Smith, Garcia dan McKeachie (1991), strategi pembelajaran sendiri mempunyai dua komponen utama iaitu motivasi dan strategi pembelajaran.

Strategi pembelajaran pula mempunyai tiga komponen, iaitu strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber pembelajaran. Berdasarkan kerangka MSLQ, strategi pengurusan usaha merupakan salah satu daripada subkomponen strategi pengurusan sumber pembelajaran selain daripada strategi pengurusan masa dan persekitaran, strategi belajar bersama-sama rakan dan strategi mencari bantuan.

Strategi pengurusan sumber pembelajaran berasal daripada Teori Piaget dan Vygotsky (Hsu, 1997). Teori Piaget menyatakan bahawa pembelajaran sendiri terbahagi kepada tiga jenis, iaitu autonomi pelajar, usaha aktif dan usaha secara sedar. Teori Vygotsky pula menyatakan bahawa perkembangan kawalan kognitif adalah satu proses sosial yang berlaku secara berperingkat. Ia berkembang daripada usaha pembelajaran yang bergantung kepada orang lain kepada usaha sendiri (Hsu, 1997). Sebelum seseorang itu belajar sendiri, ia bergantung kepada orang lain selagi mana faktor rakan dan guru berfungsi. Perbezaan prestasi semasa seseorang itu beroperasi dengan prestasi semasa bertindak dengan rakan yang lain yang lebih kompeten, menyebabkan berlakunya pembelajaran sehingga pelajar itu menjadi kompeten seperti rakannya (Pintrich & Schunk, 1996).

Teori Vygotsky juga melihat manusia mempunyai keupayaan untuk merubah suasana agar sesuai dengan kehendak mereka dan bukannya hanya bertindak balas dengan persekitaran sepertimana pendapat teori behavioris (Schunk, 1996). Oleh itu, konstruk strategi pengurusan sumber pembelajaran termasuklah strategi pengurusan usaha terbentuk daripada dua pandangan iaitu pandangan behavioris yang menekankan aspek tindak balas manusia kepada persekitaran termasuklah rangsangan untuk mereka terus bertindak, serta pandangan Vygotsky tentang peranan manusia yang mampu memanipulasi persekitaran demi memenuhi keperluan mereka.

Pengurusan usaha pelajar merupakan satu pengukuran kepada tahap kemampuan pengurusan usaha sendiri pelajar yang menunjukkan komitmen mereka untuk menyempurnakan matlamat pembelajaran walaupun berhadapan dengan kesukaran dan gangguan. Ia penting bukan sahaja untuk mencapai matlamat pembelajaran tetapi juga penggunaan pembelajaran sendiri yang berterusan (Hsu, 1997; Lynch, 2006; Pintrich, et al., 1991). Strategi ini antara lain melihat tahap ketekalan pelajar dalam mengulang kaji sepertimana yang dirancang, ketekalan mereka berusaha untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran, ketekalan mereka dalam menghadapi kesukaran semasa belajar serta kesungguhan mereka dalam meneruskan pembelajaran walaupun topik yang dipelajari kurang menarik (Pintrich, et al., 1991). Kajian menunjukkan bahawa faktor pengurusan usaha merupakan satu petunjuk yang kuat kepada kejayaan dalam akademik (Lee, 1997). Faktor usaha juga mempunyai kaitan dengan kepercayaan jangkaan keupayaan sendiri (*self-efficacy*) dan memberi kesan kepada kemahiran dan prestasi pelajar (Bandura, 1993).

Kemahiran lisan merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur (Widdowson, 1978). Pada peringkat UiTM, kajian-kajian terdahulu (Norhayuza, Naimah, Sahabudin, & Ibrahim, 2004; Sahabudin, 2003) secara umum menyatakan bahawa pelajar UiTM masih lemah dalam kemahiran lisan. Keadaan ini mungkin disumbang oleh kelemahan semangat dan ketekalan pelajar dalam menghadapi cabaran kursus, dengan kata lain kelemahan mereka dalam menggunakan strategi pengurusan usaha. Perkara ini adalah selari dengan pandangan beberapa orang sarjana terdahulu yang mengaitkan faktor penggunaan strategi ini dengan pencapaian pelajar (Bandura, 1993; Lee, 1997; Lynch, 2006; Pintrich, et al., 1991). Dalam konteks pelajar bahasa Arab di UiTM, strategi ini belum pernah dikaji. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap penggunaan strategi pengurusan usaha dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab di UiTM, supaya tindakan susulan

boleh dilakukan bagi meningkatkan tahap penggunaan strategi ini, seterusnya membantu pelajar dalam pembelajaran mereka.

■2.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan dua persoalan kajian, iaitu:

- (1) Apakah tahap penggunaan strategi pengurusan usaha dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab di UiTM?
- (2) Bagaimanakah pelajar menggunakan strategi pengurusan usaha dalam kursus bahasa Arab di UiTM?

■3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) berada dalam kelompok bahasa ketiga. Bermula Jun 1999, pihak pengurusan UiTM telah menjadikan kursus bahasa ketiga sebagai satu kursus keperluan universiti, lalu mengangkatnya menjadi satu kursus wajib kepada para pelajar UiTM pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Mereka perlu memilih salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan dan mengikutinya selama tiga semester. Secara kumulatifnya, selama tiga semester, pelajar akan mengikuti kelas bahasa ketiga sebanyak enam jam kredit atau menyamai 84 jam temu, iaitu 28 jam temu bagi setiap semester (The Academic Affairs Division, 2009).

Kajian ini merupakan satu kajian campuran antara kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Populasi pelajar sepenuh masa bagi tahap tiga Kursus Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga di seluruh cawangan UiTM dianggarkan berjumlah 2600 orang manakala sampel kajian pula melibatkan seramai 445 orang pelajar yang dipilih berdasarkan teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Pemilihan pelajar pada tahap tiga adalah kerana mereka merupakan pelajar tahap tertinggi dalam sistem pembelajaran bahasa Arab di UiTM. Oleh itu, mereka dijangka sudah membentuk sikap yang tersendiri terhadap penggunaan strategi ini.

Soal selidik tentang strategi pengurusan usaha diadaptasi daripada instrumen pembelajaran sendiri MSLQ (*The Motivated Strategies for Learning Questionnaire*) oleh Pintrich et al. (1991) dengan menggunakan skala Likert 7 tahap. Sebelum instrumen ini digunakan, satu kebenaran bertulis telah diperolehi daripada penulis asal. Instrumen ini juga telah melalui beberapa proses kesahan seperti kesahan muka, kesahan bahasa terjemahan (instrumen telah diterjemah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu), kesahan konstruk dan kajian rintis. Melalui kajian rintis, tahap Alfa Cronbach bagi item kajian telah dianalisis bagi melihat tahap kebolehpercayaan item kajian. Analisis menunjukkan bahawa nilai Alfa Cronbach yang diperolehi ialah .74 iaitu satu nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Sekaran, 2003). Selepas data diperolehi, satu analisis deskriptif dilakukan bagi melihat min strategi pengurusan usaha bagi keseluruhan pelajar. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini membahagikan min kepada tiga tahap seperti Jadual 1.

Kajian ini juga menggunakan teknik temu bual yang dirakam dengan menggunakan perakam MP3. Rakaman itu kemudiannya diberikan kod (contohnya, RP1 merujuk kepada responden pelajar satu, RL1 merujuk kepada responden pensyarah satu), diletakkan tarikh dan ditranskripsikan secara verbatim. Sebelum transkripsi itu dianalisis, ia disemak semula oleh responden temu bual bagi mendapatkan persetujuan mereka terhadap kandungan transkripsi. Data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian NVIVO 7 bagi mewujudkan tema-tema yang berkaitan. Tema-tema itu kemudiannya dirujuk kepada pakar untuk mendapatkan pengesahan *Cohen Kappa*.

Jadual 1 Kategori tahap penilaian min skala Likert 7 tahap

Skor min	Tahap
5.01 hingga 7.00	Tinggi
3.01 hingga 5.00	Sederhana
1.00 hingga 3.00	Rendah

(Adaptasi daripada Nik Mohd Rahimi, 2004)

Responden temu bual dipilih berdasarkan kaedah persampelan kualitatif *purposeful sampling* dengan menggunakan prosedur pengambilan data secara *maximal variation sampling*. Seramai 13 orang pelajar terlibat dalam temu bual dan kesemua mereka merupakan pelajar tahap tiga kursus bahasa Arab (kod BAB501) sebagai bahasa ketiga di UiTM. Temu bual pensyarah pula membabitkan seramai lapan orang pensyarah bahasa Arab dari pelbagai kampus UiTM. Sebelum ditemu bual, para responden terlebih dahulu dimaklumkan bahawa skop temu bual hanya meliputi penggunaan strategi pengurusan usaha dalam konteks kemahiran lisan bahasa Arab semata-mata.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan nilai min keseluruhan pelajar bagi komponen strategi pengurusan usaha berada pada tahap yang sederhana ($M=4.89$, $SP=.956$).

Jadual 2 Analisis deskriptif: min dan sisihan piawai (N=445)

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Strategi pengurusan usaha	4.89	.956	Sederhana

Berdasarkan temu bual, usaha pelajar dilihat dari segi masa yang diperlukan mereka untuk menyiapkan tugas. Sebahagian pelajar menyiapkan tugas pada saat-saat akhir, namun terdapat juga pelajar yang menyiapkannya segera selepas kelas tamat. Sebagai contohnya:

“Memang salah saya lah, saya akan kumpul semua persoalan-persoalan tu, dekat ngan *test* baru tanya kawan, itu memang salah saya (RP2).”

“Habis belajar bahasa Arab, Ida terus buat dia punya *homework*, lepas tu Ida akan *maintain* (RP12).”

Mereka juga didapati bersemangat untuk belajar. Ia dimanifestasikan oleh kehadiran mereka ke kelas, hadir awal ke kelas, mempunyai matlamat pembelajaran yang jelas dan minat yang tinggi untuk belajar. Sebagai contohnya:

“Buat masa ni awal jugaklah, masa permulaan semester ni, berbanding dulu, ade je datang lambat, tapi takde lah tak pernah hadir ke kelas Arab (RP6).”

“Kalau nak ikutkan, saya memang bersemangat nak belajar, mungkin saya dah cakap tadi sebab itu satu matlamat saya untuk saya *improvekan* saya punya bahasa Arab (RP11).”

“Semangat tu sentiasa ada sebab kita memang minat nak belajar bahasa Arab (RP5).”

Sebahagian pelajar mengambil kursus bahasa Arab kerana sekadar ingin memenuhi keperluan graduasi. Sebagai contohnya:

“Semangat, tak semangat sangat, tapi dah ni kehendak nyer kan, sebab kalau kita tak pergi kita kena *banned* semua kan, jadi pergi je lah, takpelah pergi (RP9).”

Usaha pelajar juga dikaitkan dengan faktor beban kelas yang banyak, menyebabkan mereka kepenatan. Contohnya:

“Terlalu banyak jam kredit, macam kelas Arab ni biasa diletak petang, *so* kalau macam pagi tu *student* dah ada kelas, kalau petang tu jadi penat, *so* cepatlah hilang fokus (RP1).”

Usaha pelajar juga dilihat dari segi persediaan pelajar sebelum kelas. Pelajar didapati membaca pelajaran sebelum kelas bermula dan mencari makna perkataan yang tidak diketahui. Sebagai contohnya:

“Kalau esok ada kelas Arab, malam tu memang saya *study in advance* lah (RP2).”

“Sebelum ustaz mengajar, teksnya tak tahu lagi kan *meaningnya*, Ida akan sedaya upaya ingat apa yang dah belajar selama bahasa Arab 1 dan 2 yang tak tahu *meaningnya*, Ida akan tulis dahulu (RP12).”

Mereka juga didapati memberikan keutamaan kepada bahasa Arab berbanding kursus lain. Contohnya:

“Sebelum ujian tu, saya akan tumpu sepenuhnya kepada bahasa Arab sahaja, kalau ada *exam* lain pun saya akan tumpukan sepenuhnya kepada bahasa Arab (RP13).”

Walaupun begitu, sebahagian yang lain memandang rendah keutamaan kursus bahasa Arab ini disebabkan oleh faktor jam kredit yang kecil. Sebagai contoh:

“Kalau macam dia bagi latihan kan, petang ni ada kelas, tengahari tu baru buat, dah *last* minit jugaklah, yelah diapun dua jam kredit aje, buat *assignment* yang jam kredit lebih tinggi lagilah (RP10).”

Usaha pelajar juga dilihat dari segi inisiatif mereka sendiri dalam menyediakan bahan pembelajaran tambahan. Contohnya:

“Saya ada *white board* kat bilik, saya akan tulis, tulis, kemudian baca, baca, sebab bagi saya lagi senang hafal kalau saya baca banyak-banyak kali kan (RP2).”

“Saya ada kamus sendiri, buku-buku dulu, buku-buku sekolah dulu, kiranya *based on text*, *review* baliklah *basically* apa yang saya dah belajar (RP3).”

Tahap semangat pelajar juga berbeza, sebahagiannya bersemangat tinggi dan terdapat juga yang semangatnya turun dan naik. Contohnya:

“Saya bersemangat untuk belajar, tak de biasa, kalau bahasa Arab, saya suka (RP6).”

“Semangat tu memang ada *up and down* jugalah tapi rasanya, kalau *overall* insya Allah (RP4).”

Usaha pelajar juga ditentukan oleh bentuk aktiviti yang diberikan oleh pensyarah. Contohnya:

“Para pelajar dimestikan menyediakan apa nama, cd dan saya melihat satu peningkatan yang amat memberangsangkan dari sudut semangat pelajar, memang hebat, mereka walaupun tidak semua tetapi kebanyakan mereka memperlihatkan satu semangat yang tinggi sampai

ke peringkat saya terpaksa melayan para pelajar di pejabat saya (RL5).”

Pensyarah juga berpendapat pencapaian pelajar dalam kursus ini ditentukan oleh fakulti pelajar.

“Bagi sesetengah fakulti, saya rasa puas tapi bagi sesetengah fakulti, saya rasa amat sedih sekali bila mengenangkan penat lelah kita dan hasil yang didapati... (RL6).”

■5.0 PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, strategi pengurusan usaha pelajar berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa ketekalan dan kesungguhan pelajar dalam pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana, terutama sekali apabila menghadapi kesukaran dalam pembelajaran. Keadaan ini dijelaskan oleh data temu bual.

Melalui temu bual, pelajar didapati terdiri daripada dua golongan. Golongan pertama ialah pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap kemahiran lisan bahasa Arab. Mereka didapati menyiapkan tugas dengan segera selepas habis kelas. Mereka juga didapati bersemangat dan tekal dalam belajar. Ia dimanifestasikan oleh jumlah kehadiran mereka ke kelas, kehadiran awal ke kelas, mempunyai matlamat pembelajaran yang jelas dan minat yang tinggi. Sebelum menghadiri kelas, mereka didapati membaca pelajaran terlebih dahulu sebelum kelas bermula, mencari makna perkataan yang mereka tidak ketahui serta memberikan keutamaan kepada bahasa Arab berbanding kursus yang lain. Mereka juga dilihat mempunyai inisiatif sendiri dalam menyediakan bahan bantu belajar dan bahan tambahan pembelajaran.

Golongan kedua pelajar pula memandang rendah keutamaan kursus bahasa Arab terutamanya disebabkan oleh jam kreditnya yang kecil. Akibatnya, mereka didapati menyiapkan tugas pada saat-saat akhir, malah mengambil kursus bahasa Arab sekadar ingin memenuhi keperluan graduasi, selari dengan dapatan kajian Lee, Yin dan Zhang (2009). Selain itu, golongan pelajar ini juga mengaitkan faktor beban kelas yang banyak telah menyebabkan mereka kepenatan untuk berusaha.

Di samping itu, pensyarah juga memainkan peranan dalam menentukan tahap usaha pelajar. Peranan pensyarah boleh dilihat daripada dua segi iaitu persepsi mereka terhadap pelajar dan bentuk aktiviti yang diberikan kepada pelajar. Sebahagian pensyarah mempunyai persepsi tersendiri terhadap usaha dan keupayaan pelajar bergantung kepada fakulti mereka. Persepsi terhadap pelajar ini berkemungkinan mempengaruhi pendekatan pengajaran mereka. Ini terbukti melalui kajian kualitatif Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi dan Parilah (2010) terhadap sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab lisan di UiTM. Kajian ini mendapati pelajar yang tiada pengalaman pembelajaran bahasa Arab terdahulu melihat pensyarah terikut-ikut dengan pelajar yang berpengalaman sehingga menyebabkan pengajaran menjadi laju, menekan dan tidak sesuai dengan tahap mereka.

Nada yang sama pernah disuarakan oleh Morris (2005), apabila beliau mendapati persepsi pensyarah terhadap pelajar di dalam dua kelas yang berbeza iaitu pelajar kelas *honors* dan *nonhonors*, menyebabkan mereka menggunakan pendekatan pengajaran yang berbeza, lalu menentukan bentuk aktiviti dan usaha pelajar di dalam kelas tersebut. Pelajar di dalam kelas *honors* didapati lebih bersedia dengan suasana pembelajaran komunikatif manakala pelajar kelas *nonhonors* pula lebih tertumpu kepada bentuk perbualan yang formal.

Usaha pelajar juga dikaitkan dengan bentuk aktiviti yang diberikan oleh pensyarah. Dalam konteks kemahiran lisan bahasa

Arab, projek rakaman CD lakonan yang diperkenalkan oleh Unit Bahasa Arab di UiTM didapati telah meningkatkan usaha para pelajar. Projek ini memerlukan pelajar untuk bekerjasama dalam satu kumpulan yang mereka pilih sendiri, seterusnya membuat satu rakaman lakonan di luar kelas. Rakaman ini kemudiannya diserahkan kepada pensyarah untuk dinilai dan diberikan markah. Pengenalan projek ini selari dengan konsep autonomi pelajar dan pembelajaran secara kolaboratif. Dalam pembelajaran secara kolaboratif, kejayaan seorang rakan dilihat menyumbang kepada kejayaan rakan yang lain lain (Dornyei, 2001; Economides, 2008; Holmes, 2003; Pintrich & Schunk, 1996). Dalam suasana sebegini, pelajar berkongsi kejayaan atau kegagalan, kesan daripada kerja berkumpulan seterusnya memberi kesan terhadap persepsi keupayaan mereka dan meningkatkan sikap mereka terhadap pembelajaran (Burke, 2007; Ghaith & Diab, 2008; Holmes, 2003; Ohta & Nakaone, 2004; Rodríguez-Sabater, 2005; Stepp-Greany, 2004; Yoshida, 2008; Zha, Kelly, Park, & Fitzgerald, 2006). Malah, konsep sebegini dikenal pasti boleh meningkatkan lagi keupayaan komunikasi pelajar dan pemahaman mereka terhadap aspek budaya bahasa yang dipelajari (Stepp-Greany, 2004).

■6.0 IMPLIKASI KAJIAN

Penggunaan strategi pengurusan usaha pelajar didapati berada pada tahap yang sederhana. Sebagaimana yang telah dibincangkan terdahulu, keadaan ini disebabkan oleh jumlah jam kredit kursus bahasa Arab yang kecil, lalu menyebabkan pelajar tidak mengambil berat terhadap kursus ini, seterusnya mempengaruhi tahap usaha mereka. Dalam menangani perkara ini, pelajar perlu disedarkan tentang kepentingan untuk menguasai kemahiran lisan bahasa Arab demi kepuasan diri sendiri sebagai seorang Muslim (faktor intrinsik) serta peranan bahasa tersebut sebagai bahasa agama Islam dan antarabangsa, dan bukan sekadar untuk mendapat markah semata-mata (faktor ekstrinsik).

Kajian ini juga mendapati tahap usaha pelajar juga ditentukan oleh bentuk aktiviti yang diberikan oleh pensyarah. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar aktiviti pembelajaran secara berkumpulan yang memberikan autonomi kepada pelajar dapat dipertingkatkan bagi membolehkan pelajar berusaha mengikut kemahuan dan acuan mereka sendiri. Persepsi dan penilaian awal pensyarah terhadap pelajar boleh digunakan dalam menentukan bentuk kesukaran tugas supaya ia tidak menjadi tekanan kepada pelajar yang lemah dan tidak pula menjadi terlalu mudah kepada pelajar yang pintar selari dengan saranan beberapa orang sarjana (Cajkler & Addelman, 2000; Dabbagh, 2003).

■7.0 KESIMPULAN

Kajian ini mendapati tahap penggunaan strategi pengurusan usaha dalam kalangan pelajar bahasa Arab di UiTM masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Melalui temu bual, dua perkara yang dikenal pasti mempengaruhi tahap penggunaan strategi ini ialah bentuk orientasi pembelajaran pelajar serta bentuk aktiviti pembelajaran yang digunakan. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa penambahbaikan kepada pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab dicadangkan seperti memupuk pembelajaran yang berorientasikan intrinsik dalam kalangan pelajar serta memperbanyakkan aktiviti berkumpulan yang berbentuk kolaboratif dan menekankan konsep autonomi pelajar.

Rujukan

- Bandura, A. 1993. Perceived Self-Efficacy in Cognitive Development and Functioning. *Educational Psychologist*. 28(2): 117–148.
- Burke, B. M. 2007. Creating Communicative Classrooms with Experiential Design. *Foreign Language Annals*. 40(3): 441–462.
- Cajkler, W., & Addelman, R. 2000. *The Practice of Foreign Language Teaching*. Edisi ke-2. London: David Fulton Publishers
- Dabbagh, N. 2003. Scaffolding: An Important Teacher Competency in Online Learning. *TechTrends*. 47(2): 39–44.
- Dornyei, Z. 2001. *Motivational Strategies in the Language Classroom*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Economides, A. A. 2008. Culture-aware Collaborative Learning. *Multicultural Education & Technology Journal*. 2(4): 243–267.
- Ghalth, G., & Diab, H. 2008. Determinants of EFL Achievement Among Arab College-bound Learners. *Education, Business and Society: Contemporary Middle Eastern Issues*. 1(4): 278–286.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah. 2010. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*. 10(3): 15–33.
- Holmes, R. 2003. Collaborative Projects: A Study of Paired Work in a Malaysian University. *Innovations in Education and Teaching International*. 40(3): 254–259.
- Hsu, J. T. S. 1997. *Value, Expectancy, Metacognition, Resource Management, and Academic Achievement: A Structural Model of Self-Regulated Learning in a Distance Education Context*. Tesis Ph.D. University of Southern California, California.
- Lee, J. C. K., Yin, H., & Zhang, Z. 2009. Exploring the Influence of the Classroom Environment on Students' Motivation and Self-Regulated Learning in Hong Kong. *The Asia-Pacific Education Researcher*. 18(2): 219–232.
- Lee, L. H. 1997. *Goal Orientation, Goal Setting, and Academic Performance in College Students: An Integrated Model of Achievement Motivation in School Settings*. Tesis Ph.D. University of Southern California, California.
- Lynch, D. J. 2006. Motivational Factors, Learning Strategies and Resource Management as Predictors of Course Grades. *College Student Journal*. 40(2): 423–428.
- Morris, M. 2005. Two Sides of the Communicative Coin: Honors and Non Honors French and Spanish Classes in A Midwestern High School. *Foreign Language Annals*. 38(2): 236–249.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2004. *Kemahiran Mendengar Bahasa Arab: Satu kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norhayuza Mohamad, Naimah Abdullah, Sahabudin Salleh, & Ibrahim Abdullah. 2004. Kajian Penilaian Modul BA UiTM (2002) Peringkat Ijazah. Shah Alam: Institut Penyelidikan, Pembangunan & Pengkormesialan UiTM.
- Ohta, A. S., & Nakaone, T. 2004. When Students Ask Questions: Teacher and Peer Answers in the Foreign Language Classroom. *IRAL, International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*. 42(3): 217–237.
- Paris, S. G. 2004. Principles of self-regulated learning for teachers. Dlm. J. Ee, A. Chang & O. S. Tan (pnyt.), *Thinking about thinking* (hlm. 48-71). Singapore: McGraw Hill Education.
- Pintrich, P. R., & Schunk, D. H. 1996. *Motivation in Education: Theory, Research and Applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., Garcia, T., & McKeachie, W. J. 1991. *A manual for the use of the Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)*. Michigan: University of Michigan. (Atas talian: 17 Oktober 2008), <http://eric.ed.gov/PDFS/ED338122.pdf>.
- Rodríguez-Sabater, S. 2005. Utilizing Undergraduate Peer Teaching Assistants in a Speaking Program in Spanish as a Foreign Language. *Foreign Language Annals*. 38(4): 533–543.
- Sahabudin Salleh. 2003. *Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Schunk, D. H. 1996. *Learning Theories*. Edisi ke-2. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Sekaran, U. 2003. *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach*. Edisi ke-4. United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Stapp-Greany, J. 2004. Collaborative Teaching in an Intensive Spanish Course: A Professional Development Experience for Teaching Assistants. *Foreign Language Annals*. 37(3): 417–426.
- The Academic Affairs Division. 2009. Academic regulations: Diploma and bachelor degree (Honours) programmes (amendment 2009). (Atas talian: 4 Mei 2010) http://www.hea.uitm.edu.my/images/stories/downloads/academic_regulations/Academic%20Regulations%20Diploma%20Degree%202009.pdf.
- Widdowson, H. G. 1978. *Teaching Language as Communication*. Oxford: Oxford University Press.
- Yoshida, R. 2008. Learners' perception of corrective feedback in pair work. *Foreign Language Annals*. 41(3): 525–541.
- Zha, S., Kelly, P., Park, M. A. K., & Fitzgerald, G. 2006. An Investigation of Communicative Competence of ESL Students Using Electronic Discussion Boards. *Journal of Research on Technology in Education*. 38(3): 349–367.
- Zimmerman, B. J. 2008. Investigating self-Regulation and Motivation: Historical Background, Methodological Developments, And Future Prospects. *American Educational Research Journal*. 45(1): 166–183.
- Zimmerman, B. J., & Martinez-Pons, M. 2004. Pursuing Academic Self-regulation: A 20-year Methodological Quest. Dlm. J. Ee, A. Chang & O. S. Tan (pnyt.). *Thinking About Thinking*. Singapore: McGraw Hill Education. 3–30